

18 SEP 2003

Najib-Khidmat

KABINET LULUS PAKAIAN SERAGAM, LOGO DAN LAGU KHIDMAT SOSIAL NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Kabinet semalam telah meluluskan rekabentuk pakaian seragam, logo dan lagu untuk program Khidmat Sosial Negara sebagai persediaan untuk melaksanakan program itu mulai Febuari depan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau, yang juga pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai khidmat negara berkata pakaian seragam, logo dan lagu untuk program itu akan diperkenalkan tidak lama lagi.

"Lebih kurang 100,000 orang (remaja lelaki dan perempuan berusia 18 tahun) akan terlibat secara berperingkat dengan khidmat sosial negara ini dengan setiap peringkat akan mengendalikan seramai antara 15,000 sehingga 20,000 remaja," katanya kepada pemberita di sini.

Bercakap selepas mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucap tama pada Persidangan Perniagaan Malaysia-China 2003 di sini, Najib berkata 100,000 remaja itu akan mula dipilih secara rambang melalui komputer mulai penghujung tahun ini atau awal tahun depan.

"Kumpulan pertama akan memulakan khidmat selama enam bulan itu mulai Febuari depan," katanya.

Program Khidmat Negara akan membabitkan penyertaan 100,000 remaja daripada 450,000 remaja yang berusia 18 tahun dengan setiap peserta diwajibkan mengikuti latihan selama enam bulan.

Hanya remaja yang masalah kesihatannya disahkan oleh panel perubatan yang diiktiraf kerajaan dikecualikan. Sekitar 30 peratus daripada program itu menjurus kepada aspek ketenteraan.

Mereka yang terpilih akan mengikuti latihan selama enam bulan di 54 pusat khidmat negara yang terdiri daripada 11 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 13 cawangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), 27 maktab perguruan serta tiga Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Beberapa sekolah berasrama penuh juga akan digunakan untuk tujuan itu.

Sebanyak RM300 juta diperuntukkan dalam Bajet 2004 bagi melaksanakan program berkenaan.

Najib turut menjelaskan draf memorandum persefahaman mengenai kerjasama pertahanan dengan China tidak membabitkan latihan ketenteraan bersama.

Beliau berkata memorandum itu hanya melibatkan persetujuan untuk mengadakan latihan bukan ketenteraan serta penggunaan teknologi moden.

-- BERNAMA

AT MUN ROS